

## Alam Wanita

### ISTERI YANG SALIH LEBIH NILAINYA DARIPADA EMAS!

Kaum ibu kita, baik yang sudah menjadi permaisuri rumahtangga atau yang masih gadis adalah sentiasa berhajat kepada panduan mengenai soal-soal hidup, meliputi agama dan pendidikan. Penyunting helaian ini – pada tiap-tiap keluaran majalah Qalam – akan menyajikan panduan khas untuk kaum ibu mengenai soal agama dan segala yang bersangkutan paut dengannya, dengan berdasarkan kitab Allah – *al-Qur’ān al-Karīm*, dan sunnah Rasul-Nya – *al-Ḥadīth al-Sharīf*.

**(Oleh: Penyunting Alam Wanita)**

Thaubān menceritakan, tatkala turunnya ayat suci:  
“*wa al-ladhīna yankizūna al-dhahaba wa al-fiḍḍata.....*” yang memberi amaran kepada hartawan- hartawan yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, adalah ketika itu kami ada bersama-sama dengan Rasulullah (SAW) dalam salah satu pelayarannya. Sahabat-sahabat Nabi pun berkata:  
“Ayat ini turun mengenai emas dan perak, kalaulah kami mengetahui akan harta benda apakah yang lebih baik, nescaya kami akan mengumpulkannya.”

Mendengarkan yang demikian itu Nabi bersabda:  
*Afḍaluhu lisānun dhākirun, wa qalbun shākirun.*  
*Wa zawjatun ṣāliḥatun tu’īnu al-mu’mina ‘alā imānihi.*

“Ertinya: Yang terlebih baik lagi ialah: lidah yang menyebut-nyebut nama Allah, hati yang bersyukur akan nikmat Allah, dan

isteri yang salih yang menolong suaminya yang beriman supaya terpelihara imannya”. Hadis ini ialah riwayat *al-Tarmidhī*.

Suatu hadis lagi, diriwayatkan oleh Abu Dāud, bahawa Rasulullah (SAW) telah menjelaskan kepada salah seorang sahabat yang bertanya itu, dengan sabdanya:  
*Lā ukhbiruka bikhayri ma yuknaz: al-mar’atu al-ṣāliḥatu idhā nazara ilayhā zawjuhā sarrathu, wa idhā amarahā aṭā’athu wa idhā ghāba ‘anhā ḥafaḥathu.*

“Ertinya: Elok juga aku nyatakan kepadamu akan sebaik-baik hartabenda yang disimpan dalam perbendaharaan, iaitu isteri yang salih: apabila si suami itu memandangnya: akan menyukakan hatinya, dan apabila ia menyuruhnya: akan berlaku taat kepadanya, dan apabila ia

keluar meninggalkan dia: akan memelihara kehormatan dan nama baiknya”.

Sebenarnya, hanyalah si isteri yang salih - isteri yang baik budi lagi taat kepada agamanya – yang akan menawan hati suaminya dan memelihara nama baiknya.

Kaum Hawa memang setara dengan kaum lelaki di dalam Islam, dikecualikan pada setengah-setengah perkara yang tidak bersesuaian dengan pembawaan mereka yang lemah lembut itu.

Di dalam *al-Qur’ān al-Karīm*, apabila tersebut perihal kaum lelaki maka kerap kali tersebutlah pula kaum perempuan, dalam kedudukan yang sama, setaraf dan sederajat.

Baca firman Allah *Ta’ālā* ini:

*Inna al-muslimīna wa al-muslim al-muslimāt, wa al-mu’minīna wa al-mu’mināt, wa al-qānītīna wa al-qānītāt wa al-ṣādiqīna wa al-ṣādiqāt, wa al-ṣābirīna wa al-ṣābirāt, wa al-khāshī’īna wa al-khāshī’āt, wa al-mutaṣaddiqīna wa al-mutaṣaddiqāt, wa al-ṣā’imīna wa al-ṣā’imāt, wa al-ḥafīzīn furūjahum wa al-ḥafīzāt al-dhakarayna Allaha wa al-dhakarātī a’adda Allah lahum maghfiratan wa ajran ‘azīmā.*

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam dan orang-orang perempuan yang Islam, orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, orang-orang lelaki yang taat dan orang-orang perempuan yang taat, orang-orang lelaki yang benar dan orang-orang perempuan yang benar, orang-orang lelaki yang sabar dan orang-orang perempuan yang sabar, orang-orang lelaki yang khusyuk dan orang-orang perempuan

yang khusyuk, orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, orang-orang lelaki yang berpuasa dan orang-orang perempuan yang berpuasa, orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya (daripada berzina) dan orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya (daripada berzina), orang-orang lelaki yang ingat kepada Allah banyak-banyak dan orang-orang perempuan yang ingat kepada Allah banyak-banyak, Allah sediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar.”

Kaum lelaki dan kaum perempuan yang demikian keadaan sifat dan amalannya itulah yang akan beroleh limpah kurnia Allah dengan keampunan dan pahala yang besar. Dan tidak ada yang lebih besar lagi daripada pahala atau balasan yang baik selain daripada balasan syurga dan segala nikmatnya yang kekal abadi.

Ayat suci yang tersebut ada pula kisah atau peristiwanya yang menyebabkan dia diturunkan (diwahyukan) kepada junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallāllahu ‘alāihi wasalam*.

Sebab musababnya telah dijelaskan oleh ahli-ahli hadis. *Al-Nasā’ī, ibn Jarīr, ibn al-Mundhir, al-Ṭabrānī* dan *ibn Mardawīh*, meriwayatkan bahawa *Ummu al-Mu’minīn* Ummu Salamah telah bertanya kepada Nabi (SAW), mengapa kaum lelaki sahaja yang kerap kali disebut-sebut di dalam *al-Qur’ān*, sedang kaum perempuan tidak pula begitu?

“Tiba-tiba pada suatu hari, tidak berapa lama kemudian daripada itu, saya terdengar suara Rasulullah (SAW) membaca ayat yang tersebut dari atas minbar” – kata Ummu Salamah.

Lagi suatu riwayat, diriwayatkan oleh *al-Tarmidhi* dan *al-Ṭabrānī* daripada *Ummu ‘Imārah al-Anṣāriyah*. *Ummu ‘Imārah* telah pergi mengadap Nabi (SAW) lalu mengatakan: Nampaknya segala-galanya dibolot oleh kaum lelaki sahaja, sedang kaum perempuan hanya sekali sekala disebut perihal mereka?

Bagi menjelaskan kemusykilan *Ummu ‘Imārah* dan rakan-rakannya yang lain itulah yang menyebabkan turunnya ayat suci yang tertera di atas itu.